

63 pelajar SM St John sertai Program Smart Vision Selangkah Ke Arah Kejayaan

4B 1.9.2016 B10
BEAUFORT: Seramai 63 pelajar Sekolah Menengah St John telah mengikuti Program Smart Vision Selangkah Ke Arah Kejayaan yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Program motivasi anjuran pelajar praktikal Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu menyasarkan pelajar tingkatan satu yang baru memasuki alam sekolah menengah.

Menurut pengarah program Nina Melveyana Ellih yang merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga UMS, objektif program ialah mewujudkan kesedaran dalam diri peserta akan kepentingan akademik dalam mengubah kehidupan mereka kelak.

“Selain itu, program ini juga bertujuan meningkatkan motivasi kepada para pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

“Pemilihan sekolah ini adalah kerana saya bekas pelajar sekolah ini dari tingkatan satu hingga lima dan saya berasa bertanggungjawab untuk bersama-sama membantu para pelajar di sekolah ini,” katanya.

Dalam program berkenaan, ceramah motivasi telah diadakan dengan memberi tumpuan kepada kepentingan akademik dalam



ALBERT (tiga dari kanan) bersama fasilitator dan peserta program bergambar kenangan.



ANTARA Fasilitator dan Pentadbiran sekolah. (Kanan) Sebahagian peserta yang hadir mendengankan taklimat daripada fasilitator.

meningkatkan dan mengubah kehidupan para pelajar pada masa akan datang. Sikap dan tanggungjawab sebagai seorang pelajar turut didedahkan oleh penceramah.

Dalam slot lain, latihan dalam kumpulan telah diadakan untuk mewujudkan semangat kekitaan dan kerjasama dalam meningkatkan motivasi masing-masing selain kreatif dalam mencipta kejayaan dalam kehidupan.

Dalam ucapan perasmian penutupannya, Penolong Kanan Pentadbiran Albert Lai Chin mengingatkan semua peserta bahawa pendidikan dan kesejahteraan hidup amat penting dalam kehidupan.

“Penganjur program ini merupakan bekas sekolah ini yang sedang belajar di menara gading dan jika mereka boleh berjaya kenapa anda tidak boleh,” katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada UMS dan Jabatan Kebajikan Beaufort atas inisiatif berkenaan. Ia menunjukkan bahawa kerjasama sekolah itu dengan komuniti dan organisasi lain adalah sangat baik khususnya dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik para pelajar.

Turut hadir di majlis penutupan ialah Penolong Kanan Kokurikulum Benjamin Hj Atin, para guru serta pelajar praktikal Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

